

Ihtifal IPT ASEAN capai matlamat

SEREMBAN 12 Feb. - Program Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2013 yang berlangsung dari 31 Januari hingga 4 Februari lalu dilihat mencapai objektifnya dalam usaha melahirkan bakat belia serta melahirkan generasi belia Islam yang unggul.

Program yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Bahagian Dakwah, Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (Jakim) itu disertai oleh lebih 200 peserta melibatkan beberapa universiti tempatan selain beberapa universiti ASEAN lain.

Bertemakan 'Belia Islam Pemangkin Transformasi Ummah', program itu turut menampilkan empat acara utama iaitu Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN, Pertandingan Tilawah al-Quran IPT ASEAN, Pertandingan Nasyid IPT ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda.

Majlis Penutup Ihtifal IPT ASEAN itu disempurnakan oleh Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Abdullah Md. Zin dan turut dihadiri Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail serta penguurusan universiti dan wakil Jakim.

Dalam ucapannya, Abdullah menjelaskan elemen penting seperti kekuatan semangat dan daya juang yang tinggi, luas penguasaan ilmu serta berkeupayaan memimpin anggota masyarakat diharap dapat diterapkan dalam diri mereka selaku generasi belia.

"Program Ihtifal menggambarkan bahawa golongan belia rancak menguasai ilmu pengetahuan yang merupakan satu aspek ibadah jika disertai dengan niat untuk mengajak pendengarnya mengingati Allah dan berbuat kebaikan.

"Malah kehebatan generasi belia Islam pada masa silam sudah terbukti sehinggakan ada antara kisah perjuangan mereka dirakamkan dalam kitab suci al-Quran. Antara mereka ada sebahagiannya tergolong sebagai Rasul dan Nabi dan golongan biasa," katanya.

Dalam pada itu, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UIN), Indonesia berjaya mengekalkan kejuaraan lalu dalam Pertandingan Akhir Debat Bahasa Arab IPT ASEAN apabila menewaskan pasukan USIM.